



SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN
TARIKH	:	9/11/2019
JABATAN	:	JPS
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN

# Penduduk risau rumah hanyut

**Terdedah  
bahaya akibat  
hakis tanah  
yang semakin  
serius**

NORULLIANA YAACOB

ARAU

**K**ira-kira 20 keluarga yang menghuni kawasan berhampiran

tebing sungai yang menghubungkan Sungai Arau di Padang Siding di sini terdedah bahaya akibat hakisan sejak tujuh tahun lalu.

Penduduk Kampung Kuala Tunggang, Fadhiah Hassan, 64, mendakwa, hakisan terbahit kini semakin serius dan bimbang


dengan keadaan rumahnya yang terletak kira-kira 30 meter dari sungai itu.

Lebih menyedihkan sebahagian reban ayam miliknya sudah hanyut akibat hakisan tersebut.

"Kami bimbang hakisan semakin serius kerana boleh dikatakan hujan setiap hari," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Menurutnya, lebih membimbangkan kira-kira lima meter kawasan tanah miliknya sudah terhakis dan hanyut ke sungai.

"Sebelum ini ada pegawai dari Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Perlis datang meninjau keadaan tebing bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di kawasan ini. Mereka turut mengakui berlaku hakisan tanah dan akan melancarkan pemantauan dari



Fadhiah menunjukkan tebing sungai yang semakin menghakis.

semasa ke semasa.

"Bukan di kawasan saya saja yang terjejas malah rumah di kampung lain turut mengalami kesan yang sama," katanya.

Justeru, Fadhiah berharap pihak berkenaan dapat mengambil tindakan segera sebelum kejadian tidak ditinggini berlaku. Sementara itu, ADUN

Pranh, Rozieana Ahmad berkata, pihaknya memandangkan serius kejadian berkenaan dan sudah melakukan tinjauan.

"Tinjauan pada bulan

lalu mendapati berlaku gelombang tanah berdekatan beberapa kediaman penduduk di sekitar Padang Siding.

"Perkara ini juga sudah disampaikan kepada Menteri Besar Perlis (Datuk Seri Azlan Man) dan beliau sendiri sudah meminta pegawai JPS menilai anggaran kos membaik pulih," katanya.

Beliau berkata, sebelum ini JPS sudah membina dinding gabion di beberapa kawasan di sepanjang sungai terbahit yang dilihat berisiko tinggi berlaku kejadian hakisan tanah.

Bagaimanapun katanya, akibat struktur tanah yang lembut menyebabkan beberapa dinding turut tenggelam dan pihaknya berjanji akan menyelesaikan masalah berkenaan bersama agensi berkaitan.